

CADANGAN SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
NEGERI KEDAH TAHUN 2015
(MODUL 2 TINGKATAN 5)
KERTAS 1

BAHAGIAN A : (30 markah)

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah berjimat cermat dalam kehidupan seharian. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak soalan

1. Pelajar perlu menghuraikan faedah-faedah berjimat cermat dalam kehidupan seharian.
2. Pelajar mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - mengurangkan perbelanjaan
 - memupuk sikap berdikari
 - menambah simpanan
3. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat kepujian
4. Sekiranya calon mengambil satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi yang lain, layak diberikan cemerlang.

Komen pemeriksa:

T = Tugas

I = Idea

B = Bahasa

(Lebih baik jika pemeriksa dapat memasukkan P = Pengolahan dalam komen)

BAHAGIAN B (100 markah)

Soalan 1

Dimensi : Diri

Format : Tiada

Tema : Dunia Semakin Canggih (Tingkatan 4)

Aras : Rendah

Penggunaan telefon bimbit seolah-olah menjadi kemestian dalam kalangan pelajar di sekolah walaupun mendatangkan pelbagai implikasi.

Jelaskan implikasi penggunaan alat komunikasi tersebut kepada pelajar.

Kehendak soalan:

- a. Pelajar perlu menghuraikan kesan / implikasi penggunaan telefon bimbit kepada pelajar sama ada pelajar sekolah atau IPT.
- b. Jawapan pelajar mestilah mempunyai kebaikan dan keburukan penggunaan telefon bimbit
- c. Pelajar mestilah menghuraikan dua kebaikan dan tiga keburukan atau tiga kebaikan dan dua keburukan atau dua kebaikan dan dua keburukan.

- d. Jika pelajar menghuraikan satu kebaikan dan empat keburukan atau satu keburukan dan empat kebaikan, markah maksimum : Baik atas

Cadangan isi

kesan positif:

Isi 1 : memudahkan pelajar menghubungi ibu bapa jika berlaku kecemasan.

Isi 2 : memperluas jalinan / jaringan sosial, berlaku transformasi gaya hidup apabila jalinan rangkaian kenalan melangkaui batas geografi dan batas etnik mahupun keluarga – meletakkan insan di dunia sebagai sama taraf.

Isi 3 : membantu memperoleh maklumat yang cepat dan tepat.

Kesan negatif :

Isi 1 : pelajar menjadi leka.

Isi 2 : menghabiskan duit / tabungan untuk menambah nilai.

Isi 3 : mendorong kegiatan tidak sihat.

Kesimpulan :

Ibu bapa perlu memantau penggunaan telefon bimbit dalam kalangan anak-anak – pelajar perlu bijak menggunakan teknologi moden.

Soalan 2

Dimensi : Keluarga

Format : Tiada

Tema : Ambang Remaja: Remaja dan Keluarga (Tingkatan 4)

Aras : Sederhana

Keluarga sepatutnya menjadi institusi yang selamat. Namun begitu kejadian penderaan kanak-kanak oleh ahli keluarga masih berleluasa.

Berikan saranan anda tentang peranan institusi keluarga bagi membanteras gejala ini.

Kehendak soalan:

Pelajar mesti menghuraikan saranan tentang peranan ahli keluarga bagi membanteras gejala penderaan kanak-kanak.

Institusi keluarga mestilah terdiri daripada ibu, bapa, datuk, nenek, abang, kakak dan adik. (adik-beradik)

Jika pelajar menghuraikan peranan ibu bapa sahaja, maksimum peringkat kepujian bawah.

Cadangan isi:

1. Mengutamakan agenda kasih sayang dalam keluarga – kasih sayang dijadikan kunci dan matlamat membina sesebuah keluarga.
2. Mendidik sifat prihatin dan sensitif ahli keluarga terhadap keselamatan kanak-kanak – tidak memberikan kesempatan ahli keluarga yang lain terus-menerus mendera – mengambil tindakan pantas mencegah, melapor dan menyelamatkan kanak-kanak yang didera.
3. Mendalami ilmu dan kemahiran keibubapaan – setiap pasangan dikehendaki menghayati betul-betul kemahiran tersebut sebelum mendirikan rumah tangga. Ilmu meliputi persediaan mental, emosi dan psikologi untuk berhadapan dengan insan kecil.

- 4 Menghayati ilmu agama dan pendidikan moral yang sempurna – kesedaran terhadap tanggungjawab agama dan ketuhanan boleh mencegah manusia daripada mudah dirasuk syaitan – penghayatan moral membolehkan seseorang menghayati unsur-unsur nilai kemanusiaan dan nilai sejagat.
5. Institusi keluarga perlu mengetahui bahawa mereka memikul amanah untuk menjaga anak kecil – kehadiran anak kecil sebagai pengikat kasih sayang – setiap ahli keluarga perlu memahami tanggungjawab masing-masing.

Kesimpulan : anak-anak perlu dijaga dengan baik – institusi keluarga membentuk masyarakat madani.

Soalan 3

Dimensi : Masyarakat dan negara
Format : Rencana
Tema : Senario Masyarakat Kita: Tradisi Kejiranan dalam Masyarakat (Tingkatan 4)
Aras : Sederhana

Semangat kejiranan merujuk aspek kesefahaman dan hubungan erat sesama jiran. Kerajaan telah melancarkan slogan 'Jiran Sepakat Membawa Berkat' untuk mengembalikan semangat kejiranan yang kian luntur dalam kalangan masyarakat di negara ini. Anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk "Langkah-langkah Memupuk Semangat Kejiranan dalam Kalangan Masyarakat".

Tulis rencana anda itu selengkapnya.

Kehendak soalan:

Calon dikehendaki menulis rencana yang bertajuk "Langkah-langkah Memupuk Semangat Kejiranan dalam Kalangan Masyarakat"
Karangan mestilah dalam bentuk format rencana yang betul.
Karangan berformat : Tajuk (- 1m jika tiada)
: Nama penulis(Berunsurkan nama manusia)(- 1m jika tiada)
Jika calon tidak menulis mengikut format, markah maksimum kepujian.

Cadangan Jawapan:

1. Mengadakan kempen kesedaran dan program yang memupuk semangat kejiranan – Kempen Masyarakat Penyayang, program gotong-royong.
2. Menyemarakkan budaya kunjung-mengunjungi – memupuk sikap toleransi – mengeratkan hubungan.
3. Peranan sektor awam dan swasta – menganjurkan aktiviti kebajikan atau program sukarelawan yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat – memupuk masyarakat yang prihatin – mewujudkan persefahaman.
4. Peranan media massa – memberikan tumpuan kepada rancangan atau isu-isu yang berunsur kemasyarakatan.
5. Mengadakan program komuniti atau kampung contoh – dinilai dari segi keceriaan dan semangat kejiranan – mendorong penglibatan masyarakat setempat.

Soalan 4

Dimensi	: Antarabangsa
Format	: Tiada
Tema	: Rumah Terbuka Rakyat Malaysia: Kemanusiaan Sejagat (Tingkatan 5)
Aras	: Tinggi

Aktiviti pemerdagangan manusia di peringkat global sangat membimbangkan dan meninggalkan kesan negatif kepada negara yang terlibat.

Bincangkan.

Kehendak soalan:

Pelajar mesti menyatakan kebimbangan aktiviti pemerdagangan manusia oleh pelbagai pihak termasuklah kerajaan dan rakyat di seluruh dunia.

Pelajar hendaklah memberikan contoh negara-negara yang sering berlaku kes pemerdagangan manusia.

Pelajar hendaklah memahami konsep pemerdagangan manusia.

Cadangan isi:

Kesan

1. Mencemarkan imej negara di mata dunia
 - Kedudukan Malaysia dalam senarai 16 negara berprestasi buruk dalam mengekang isu pemerdagangan manusia mencemarkan imej negara di mata dunia. Menunjukkan negara lemah dalam mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang. Negara dianggap sebagai sarang jenayah.
2. Mengancam keselamatan dan keamanan negara
 - Jenayah yang semakin berleluasa mengancam keselamatan terutamanya wanita dan kanak-kanak yang diperalatkan bagi tujuan tertentu termasuk pelacuran, pusat hiburan, rumah urut dan sebagainya. Sindiket atau mereka yang terlibat juga melakukan aktiviti jenayah lain untuk mengumpulkan kekayaan.
3. Menjejaskan hubungan diplomatik antara negara terlibat
 - Penyeludupan dan pemerdagangan manusia melanggar hak sesebuah negara dan isu-isu yang berlaku menjejaskan hubungan diplomatik antara negara. Isu-isu seperti penderaan malahan pembunuhan pembantu rumah menimbulkan rasa tidak puas hati antara negara yang terlibat.
5. Peningkatan masalah sosial di negara terlibat
 - Masalah sosial bertambah merebak dalam masyarakat seperti berpeleseran, pelacuran, seks bebas, minum arak dan sebagainya.
 - Penularan penyakit berjangkit. Penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi, penyakit kelamin, hepatitis dan sebagainya kembali menular dalam kalangan masyarakat.

Soalan 5

Dimensi : Komsas
Format : Cerpen / Drama
Aras : Tinggi

Anda telah membaca banyak kisah tentang kejayaan tokoh tertentu dalam bidang perniagaan yang diceburi. Kebanyakannya bermula dengan perniagaan secara kecil-kecilan dan banyak cabaran yang perlu dihadapi sebelum mencapai kejayaan, bak kata peribahasa “Berakit-rakit ke hulu; berenang-renang ke tepian”.

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa tersebut.

Karangan berformat : Tajuk (- 1m jika tiada)
: Nama penulis (Berunsurkan nama manusia) (- 1m jika tiada)

Maksud peribahasa : Kesenangan datang selepas bersusah payah.

Kehendak soalan:

- Calon dicadangkan menulis sebuah cerita yang berkaitan dengan tajuk peribahasa **“Berakit-rakit ke hulu; berenang-renang ke tepian”**
- menceritakan sesuatu peristiwa yang pernah anda alami ataupun berdasarkan khayalan anda namun sebaik-baiknya cerita tersebut munasabah/logik.
- Setiap isi cerita mestilah mempunyai pertalian.
- Penulisan cereka atau penceritaan calon mestilah mengikut urutan peristiwa dan masa, iaitu ada titik permulaan, perkembangan, kemuncak (ketegangan) atau penyudah cerita.
- Bahasa berbunga-bunga boleh digunakan, tetapi hendaklah dikawal penggunaannya.
- Jika calon hendak memasukkan dialog, ayatnya biarlah ringkas, padat, menarik dan realistik.
- Setiap dialog hendaklah ditulis dalam perenggan baru dan menggunakan tanda baca yang betul.
- Cerita boleh diolah atau ditulis dengan berdasarkan orang pertama dan ketiga sebagai pencerita. Kata ganti nama diri seperti *aku*, *saya*, *dia*, *mereka* sesuai digunakan sebagai watak cerita.
- Akhir sekali, calon perlu mengambil ingatan bahawa cerita yang hendak diolah itu semestinya cerita yang menarik, mencabar dan berdaya kreatif.
- Cerita sebaik-baiknya mempunyai unsur pengajaran atau nasihat yang berguna kepada pembaca.
- Jika calon tidak menggunakan laras bahasa sastera yang sesuai dan teknik penceritaan biasa, maksimum markah kategori baik.